

# Kumpulan Lubuk Temiang BBQ Station johan UMSKAL Cooking Battle

UB 21.11.2015 B13

LABUAN: Kumpulan Lubuk Temiang BBQ Station johan UMSKAL Cooking Battle sempena Pesta Tamu Gadang UMSKAL – RTM Labuan 2015 yang diadakan baru-baru ini.

Marianah Mohamad dan suami Baharuddin Husin yang memiliki restoran di Lubuk Temiang memenangi hadiah wang tunai sebanyak RM1,000, hampersumbangan

Adabi dan sijil.

Tempat kedua berupa wang tunai RM700, hamper Adabi dan sijil dimenangi Kumpulan Delima yang diwakili Puan Salbiah Jiros dan Nur Maisarah Abd Manan dari Kimanis.

Kumpulan Gagawi yang diwakili dua kakitangan UMSKAL, Dg Marianah Ag Ibrahim dan Johana Arshat menduduki tempat

ketiga untuk meraih RM500 bersama hamper dari Adabi serta sijil.

Sebanyak 16 kumpulan dari Sabah dan Labuan termasuk tiga kumpulan pelajar UMSKAL menyertai pertandingan itu yang bertemakan ‘Masakan Ala Kampung, 1 lauk 1 sayur’ dalam masa satu jam.

Penaja utama pertandingan itu ialah Petronas yang menyumbangkan tong gas, dapur memasak, windshield, apron dand topi chef, Adabi (hadiah pemenang dan saguhati) dan Kesumba (cenderahati).

Pelakon dan peserta Masterchef Malaysia yang juga artis jemputan dan ketua juri, Syanie menyerikan lagi pertandingan memasak berkenaan.

UMSKAL Cooking Battle itu turut dihakimi Chef Aby (Adabi Cawangan Kota Kinabalu), Mavnun Haslinda Omar Maya, Area Manager KK2, LPG Department Sabah



**PASANGAN Marianah Mohamad dan Baharuddin Husin menerima hadiah daripada Syanie.**

Region (Petronas) dan Hayati Salleh Baihaki (Pengerusi Kelab Suri Rumah dan Staf (Kesumba) UMSKAL.

Pengarah Universiti

Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik menyampaikan cenderamata

kepada juri pertandingan itu.

Turut hadir, Penyelaras UMSKAL Cooking Battle, Nur Shafiekah Sapan.



**SYANIE menunjukkan cara memasak kepada peserta.**